

PM minta akhbar jangan gembur-gemburkan lagi isu perkahwinan MB

U.M. 15 SEP 1989

KUALA LUMPUR 14 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta akhbar - akhbar supaya tidak lagi menggembar - gemburkan isu perkahwinan sulit Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib dan menyerahkan kepada beliau untuk menyelesaikan perkara ini.

Saya berpendapat bahawa apa yang berlaku di Selangor ini sudah diberi pendedahan berlebihan. Perkara itu bukan satu tragedi nasional atau apa-apa tetapi nampaknya akhbar sangat berminat dengan perkara ini," kata Perdana Menteri.

Beliau menyatakan

demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat UMNO. Beliau ditanya apakah isu tersebut dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan.

Masalah

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, isu perkahwinan sulit Tan Sri Muhammad dengan Puteri Sultan Selangor, Tengku Puteri Zahariah yang menimbulkan kemurkaan baginda tidak dibincangkan dalam mesyuarat MT kerana semua ahli MT menyerahkan kepada be-

liau untuk menyelesaikannya.

Ditanya apakah Tan Sri Muhammad akan dikekalkan sebagai Menteri Besar memandangkan Sultan Selangor secara terbuka berkata baginda sudah tidak dapat lagi "bercakap dan duduk dekat - dekat" dengannya, Perdana Menteri berkata, "saya tidak mahu menyelesaikan perkara ini melalui akhbar.

"Kalau saya nak ber-bahas dalam akhbar, saya ingat tidak selesai.

"Serah kepada saya-lah. Tidak payah lagi buat cerita, banyak lagi cerita lain ada.

Ditanya lagi apakah Tan Sri Muhammad akan meneruskan tugasnya sebagai Menteri Besar sekembali dari cuti sebulan, beliau berkata "saya kata ini cerita lama, tak usah tanya, banyak perkara lain boleh laporkan."

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengesahkan rombongan UMNO Selangor datang menemui beliau untuk membincangkan masalah Tan Sri Muhammad petang semalam.

"Mereka datang jumpa saya, mereka serahkan kepada saya, itu sahaja," ujarinya ringkas mengenai pertemuan berkenaan.